

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 1982**

### **DASAR PEMBERIANMILIK TANAH KEPADA LEMBAGA LETRIK NEGARA**

Pada masa ini syarat-syarat pemberianmilik tanah kepada Lembaga Letrik Negara adalah mengikut Pekeliling PTG. Bil. 3 /1982. Adalah diperhatikan bahawa syarat-syarat yang terkandung di dalam Pekeliling itu tidak sesuai untuk dikenakan kepada Lembaga Letrik Negara terutama di dalam pemberianmilik tanah untuk tujuan perusahaan. Oleh itu dasar pemberianmilik tanah kepada Lembaga Letrik Negara telah dikaji semula dan dipersetujui sebagaimana yang disebut di perenggan 2 dan 3 di bawah.

2. Bagi tanah-tanah Kerajaan yang dipohon milik oleh Lembaga Letrik Negara untuk tujuan perusahaan seperti tapak Stesyen Janaletrik, Pencawang Letrik dan yang seperti dengannya maka syarat-syarat pemberianmiliknya adalah seperti berikut :-

- |                       |   |   |   |
|-----------------------|---|---|---|
| 2.1. Jenis Hakmilik   | : | - | Pajakan Negeri  |
| 2.2. Tempoh Pajakan   | : | - | 66 tahun  |
| 2.3. Jenis Penggunaan | : | - | Perusahaan  |
| 2.4. Harga tanah      | : | - | [Mengikut kadar yang<br>terjadual di dalam<br>Peraturan Tanah Kelantan<br>1966 ( jika tanah itu<br>asalnya tanah Kerajaan ) |

atau

\$10.00 ( jika tanah itu asalnya tanah milik yang telah diambil dan dibayar oleh L.L.N. atau diserahkan balik oleh tuannya untuk tujuan yang sama seperti yang dipohonkan] ].

- 2.5. Hasil Tahunan : - Mengikut Peraturan Tanah Kelantan 1966.
- 2.6. Syarat Nyata : - “ Tanah yang terkandung di dalam hakmilik ini hendaklah digunakan sebagai tapak ..... dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengannya sahaja”.
- 2.7. Sekatan Kepentingan : - “Tanah yang terkandung di dalam hakmilik ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadaikan melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri”.
- 2.8. Bayaran Ukur : - Mengikut Perintah KTN (Bayaran Ukur) 1965.

2.9. Lain-lain Bayaran : - Mengikut Peraturan Tanah Kelantan 1966.

3. Bagi pemberianmilik tanah kepada Lembaga Letrik Negara untuk digunakan sebagai tapak bangunan kediaman atau perniagaan seperti Pejabat, Rumah Kediaman, Setor, Switch Tower dan lain-lain bangunan yang seumpama dengannya maka syarat-syarat pemberianmilik adalah sebagaimana berikut :-

3.1. Jenis Hakmilik : - Pajakan Negeri

3.2. Tempoh Pajakan : - 99 tahun

3.3. Jenis Penggunaan : - Bangunan

3.4. Harga tanah : - [ Mengikut kadar yang terjadual di dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966 (jika tanah itu asalnya tanah Kerajaan) ].

atau

\$10.00 (jika tanah itu asalnya tanah milik yang telah diambil dan dibayar oleh L.L.N. atau diserahkan balik oleh tuannya untuk tujuan yang sama seperti yang dipohonkan).

- 3.5. Hasil Tahunan : - Mengikut Peraturan Tanah Kelantan 1966.
- 3.6. Syarat Nyata : - “ Tanah yang terkandung didalam hakmilik ini hendaklah digunakan sebagai tapak ..... dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengannya sahaja ”.
- 3.7. Sekatan Kepentingan : - “ Tanah yang terkandung di dalam hakmilik ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadaikan melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri ”.
- 3.8. Bayaran Ukur : - Mengikut Perintah KTN ( Bayaran Ukur ) 1965.
- 3.9. Lain-lain Bayaran Pejabat : - Mengikut Peraturan Tanah Kelantan 1966.

4. Syarat-Syarat yang dinyatakan di dalam Pekeliling ini hanya dipakai dalam kes pemberianmilik tanah sahaja, sementara di dalam kes pindahmilik tanah kepada Lembaga Letrik Negara syarat-syarat dan dasarnya adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam Pekeliling PTG.Bil.8/1976.
5. Dengan terkeluarnya Pekeliling ini maka Pek.Bil.3/1982 tidak boleh dipakai sepanjang yang berkaitan dengan pemberianmilik tanah kepada Lembaga Letrik Negara.
6. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1hb. Julai, 1982.

**t.t**

**(Ab.Hamid Bin Hj. Abu Bakar)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH & GALIAN,  
KELANTAN,  
KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG.KN.3873/(81).**

**BERTARIKH: 24HB. JUN, 1982.**

**KEPADA :-**

Semua Pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

**SALINAN :-**

YAB. Dato' Menteri Besar, Kelantan.

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan

YB. Tuan Penasihat Undang-Undang, Kelantan.

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

YABrs. Pengarah Ukur Negeri, Kelantan.

YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah, Kelantan.

YABrs. Ketua Cawangan Odit, Kelantan.

YABrs. Setiausaha Lembaga Letrik Negara, Kuala Lumpur.